

19/03/2004

Pilihan raya di Kedah `habuan kita, bukan habuan Pas'

Norbakti Alias

DUA hari lagi rakyat negara ini akan keluar mengundi bagi memilih wakil rakyat dan kerajaan pilihan mereka. Bagi calon dan parti bertanding, masa untuk meyakinkan pengundi semakin suntuk iaitu sebelum tamat tempoh berkempen tengah malam esok.

Namun, cerita pemimpin merajuk sehinggakan bilik gerakan tidak berfungsi, unit peti undi ditutup atau penyokong tidak mahu keluar mengundi masih lagi kedengaran di Kedah.

Kisah sebegini bukan baru di kalangan ahli politik, malah sudah menjadi bahan jenaka di kalangan pemerhati politik, tetapi ketika tarikh mengundi sudah semakin dekat, ia bukan sesuatu yang melegakan.

Ini kerana sisa-sisa waktu yang ada wajar digunakan untuk memujuk pengundi, khususnya di kalangan pengundi atas pagar, bukannya merenung nasib diri.

Maka, tidak hairanlah apabila Penasihat Jentera Pilihan Raya Barisan Nasional (BN) Kedah, Tun Dr Mahathir Mohamad, turut memperkatakan mengenai sikap itu dalam ucapannya sejurus sebelum Menteri Besar, Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, mengumumkan senarai calon BN, baru-baru ini.

Ungkapan `habuan dia' yang digunakannya agak ringkas tetapi cukup sinis dan wajar direnung semua ahli BN. Mesejnya cukup padat.

"Waktu saya kecil, ada seorang wanita yang saya panggil Mak Mah yang selalu kata `habuan dia' atas apa yang berlaku.

"Apa yang kena kat dia, dia kata habuan dia, kena orang lain pun dia kata habuan dia.

"Jadi, kalau jadi calon, itu habuan dia, kalau tak jadi calon pun, itu habuan dia. Habuan saya dah habis," katanya.

Sebagai orang lama, Dr Mahathir cuba menyuntik kesedaran di kalangan pemimpin dan ahli yang terus berebut kerusi sehingga memaksa Syed Razak berulang alik ke Putrajaya sebelum senarai akhir diketahui.

Permulaan ucapannya juga sudah jelas menceritakan Dr Mahathir sedar masalah `rajuk' yang menjadi duri dalam daging bagi memastikan kejayaan BN di Kedah, apa lagi sudah melihat dengan mata sendiri apa yang berlaku di Terengganu pada 1999.

"Ketika dalam penerbangan, Syed Razak ada tunjukkan kepada saya senarai calon dan seperti biasa ada yang saya minat dan ada juga yang saya fikir tidak sesuai.

"Tetapi saya ingin pegang kepada janji dan menyokong sesiapa saja yang dicalonkan dan soal saya suka atau tidak, tidak timbul," kata Dr Mahathir yang jelas mahukan ahli mengikut keputusan pucuk pimpinan.

Biarpun masalah itu tidak begitu serius, kerjasama semua pihak dalam BN perlu jika mahu memberikan pukulan `knock-out' kepada pembangkang yang menyimpan impian besar menawan Kedah.

Tempoh kurang daripada 48 jam yang ada masih boleh digunakan sebaik-baiknya untuk merapatkan barisan, kerana perjuangan parti harus lebih diutamakan.

Pastinya ahli parti tidak mahu mencipta sejarah menjadi mereka yang bertanggungjawab menjatuhkan pemerintahan parti itu di Kedah.

Biarlah ketawa hadirin pada hari itu yang kemudian mengajuk ungkapan `habuan kita' perlu ikhlas sambil sama-sama berganding bahu untuk memastikan pilihan raya ini akan menjadi `habuan kita', bukannya `habuan Pas'.